

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SAU308 - Agama dan Hubungan Sosial

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan No. 1 di Bahagian A WAJIB dijawab. Pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

Soalan ini WAJIB dijawab.

Soalan 1

Hurai dan beri contoh kepada konsep-konsep berikut:

- a. Kemutlakan dan interpretasi dalam agama (20 Markah)
- b. Perkasa individu dan kolektif dalam kehidupan (20 Markah)
- c. Konsep al Ghazali dan Piaget tentang manusia (20 Markah)
- d. Sekularisme dan desekularisme (20 Markah)
- e. Ganjaran material dan ganjaran ketuhanan (20 markah)

**BAHAGIAN B**

Pilih **DUA** (2) soalan sahaja.

**Soalan 2**

Max Weber

- a. Hurai dan beri contoh konsep etika rasional.  
(30 Markah)
- b. Bagaimanakah Weber mengaplikasikan konsep substantif rasionaliti pada pemikiran Calvin.  
(30 Markah)
- c. Hurai pendekatan sosiologikal Weber tentang hubungan di antara tuhan dan agama dengan manusia.  
(40 Markah)

**Soalan 3**

Emile Durkheim

- a. Dengan memilih satu agama, guna kaedah penganalisaan agama oleh Smith dan Durkheim dalam memahami pengaruh agama ke atas tingkah laku manusia.  
(30 Markah)
- b. Apakah pengertian dan fungsi agama bagi Durkheim?  
(30 Markah)
- c. Kenapa agama itu masyarakat dan autoriti moral itu tuhan bagi Durkheim?  
(40 Markah)

**Soalan 4**

Stark dan Bainbridge

- a. Apakah andaian asas teori pilihan rasional agama tentang manusia?  
(30 Markah)
- b. Bagaimanakah caranya Stark dan Bainbridge menjelaskan persoalan ‘kejar pahala elak dosa’?  
(30 Markah)
- c. “Demi kecemerlangan dan perkembangan agama, agama perlu dipisahkan dari kuasa politik pemerintahan sesebuah negara”. Bincangkan kenyataan ini.  
(40 Markah)

Soalan 5

Kurtz

- a. Kapitalisme, globalisasi dan dunia ICT meruntuh batas politik dan sosio-budaya masyarakat termasuk kefahaman dan penghayatan sesuatu agama. Apa akan terjadi ke atas agama yang anda yakini dan hayati dalam masa 20 tahun lagi dengan senario perkembangan dunia sedemikian?

(30 Markah)

- b. Dengan memberi contoh, kenapa Kurtz mengatakan konflik agama adalah lebih ganas daripada konflik sosial lain?

(30 Markah)

- c. Dengan memilih HANYA SATU daripada kes-kes berikut, sejaухmanakah kejadian itu memaparkan kejadian yang ‘mengandungi perkiraan keagamaan tetapi berteraskan perkiraan kepentingan faktor sosial yang lain sebagai agendanya’?

- i. Kejadian Al-Ma'unah di Sauk
- ii. Tebusan Abu Sayyaf di Jolo
- iii. Kafir-mengkafir di antara PAS dan UMNO

(40 Markah)